HAK DAN PERLINDUNGAN PENGGUNA DALAM PRODUK HALAL

Nasihah Naimat[1]
Elistina Abu Bakar[1,2]
Afida Mastura Muhammad Ariff[2]
Mohhidin Othman[1]
[1] Institut Penyelidikan Produk Halal,
Universiti Putra Malaysia,
[2] Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna,
Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia,

Pendahuluan

Islam merupakan agama yang syumul (sempurna) yang menyediakan peraturan dan garis panduan dalam semua aspek kehidupan manusia. Matlamat utama peraturan dan garis panduan dalam Islam adalah untuk menjaga kemaslahatan manusia iaitu memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta bagi menjamin kesejahteraan hidup di dunia atau di akhirat atau kedua-duanya (Basri & Wan Mohd Yusuf, 2011). Persoalan halal haram, terutamanya dari segi pemakanan menjadi isu yang cukup sensitif dan sangat ditekan dan dipandang berat oleh masyarakat Islam di Malaysia (Abdul Basit & Sahilah, 2010). Perihal halal haram ini bukan sahaja merupakan isu sensitif, malah ia juga dilihat sebagai isu yang tidak boleh diperlekehkan. Hal ini adalah kerana pemilihan makanan yang halal adalah satu kewajipan dan tanda ketundukan dan ketaatan kepada Allah SWT.

Konsep *halalan tayyiban*

Dasar utama yang telah ditetapkan oleh Islam ialah semua yang dicipta oleh Allah SWT adalah halal dan harus (Al-Qaradawi, 2007). Hanya terdapat sebilangan kecil dalam al-Quran dan Hadith mengenai larangan, manakala apa-apa sahaja yang tidak disebut dalam al-Quran dan Hadith itu adalah halal dan dibenarkan.

Istilah 'halal' berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud 'dibenarkan' atau 'dibolehkan' oleh hukum syarak. Al-Qardawi mendefinisikan halal sebagai sesuatu yang diharuskan (dibolehkan), yang terungkai padanya ikatan larangan, dan diizinkan oleh syarak untuk melakukannya. Berdasarkan definisi tersebut, dapat dirumuskan bahawa halal adalah merujuk kepada

sesuatu yang dibenarkan untuk makan, minum dan melakukan sesuatu berdasarkan undang-undang dan prinsip-prinsip Islam.

Halal adalah istilah yang boleh digunakan untuk semua aspek kehidupan. Walaupun istilah halal digunakan dalam pelbagai aspek yang berbeza, namun dalam al-Quran penggunaannya dalam perkara yang berkaitan dengan bab makanan adalah lebih meluas berbanding dengan hal lain. Perkara menarik tentang konsep makanan halal yang disebut dalam al-Quran ialah perkataan '*tayyib*' yang mengekori perkataan halal. Perkataan *tayyib* bermaksud bersih, suci, selamat dan berkualiti (Abdullah, 2005). Oleh itu, pengertian halal itu sebenarnya merangkumi aspek *tayyiban* atau secara mudahnya apa yang dikategorikan sebagai halal menurut syariat Islam itu ia adalah *tayyib* (Roslizawati & Suhailiza, 2007).

Di bawah undang-undang Malaysia, Perenggan 3 Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 telah mentakrifkan 'halal' seperti berikut:

i. "Bukanlah dan tidaklah terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahagian atau benda daripada binatang yang dilarang oleh hukum Syarak bagi orang Islam untuk memakannya atau yang tidak disembelih mengikut hukum Syarak;
ii. Tidak mengandungi apa-apa benda yang najis mengikut hukum Syarak;
iii. Tidak memabukkan mengikut hukum Syarak;
iv. Tidak mengandungi mana-mana bahagian anggota manusia atau hasilan daripadanya yang tidak dibenarkan oleh hukum Syarak;
v. Tidak beracun atau memudaratkan kesihatan;
vi. Tidak disediakan, diproses atau dikilang menggunakan apa-apa peralatan yang dicemari najis mengikut hukum Syarak; dan
vii. Tidaklah dalam masa menyediakan, memproses atau menyimpannya bersentuhan, bercampur atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang gagal memenuhi perenggan (a) dan (b)."

Takrifan yang terdapat dalam peruntukan ini menepati konsep *halalan tayyiban* dan syariat Islam (Harlida & Alias, 2014). Selain itu, takrifan halal ini adalah lebih menyeluruh kerana bukan sahaja merangkumi produk makanan tetapi juga produk bukan makanan dan perkhidmatan (Alias, Harlida, Nurretina & Muhammad Hafiz, 2013). Oleh itu, *halalan tayyiban* boleh ditafsirkan sebagai produk yang dibenarkan untuk dimakan (halal) dan boleh memberi manfaat kepada tubuh badan dan akal manusia. Hal ini bermakna konsep *halalan tayyiban* merangkumi aspek fizikal dan rohani manusia (Siti Radiah & M.Shahrim, 2013). Jelas sekali pemilihan produk berdasarkan konsep *halalan tayyiban* menggariskan bahawa produk yang halal tidak semestinya bebas daripada bahan haram tetapi juga mesti

mempunyai kualiti yang baik, bersih dan selamat untuk dimakan. Pemilihan produk *halalan tayyiban* harus dilihat dari aspek pemprosesan, cara penyediaan, bahan-bahan dan kebersihan. Sepanjang proses tersebut, adalah amat penting untuk memastikan bahawa produk tersebut tidak mengandungi bahan-bahan haram atau tercemar daripada produk berbahaya yang boleh membahayakan kehidupan dan kesihatan manusia.

Hak-hak pengguna

Pengguna Islam merupakan golongan pengguna terbesar di Malaysia dan seperti juga pengguna yang lain, hak-hak mereka seharusnya tidak perlu dipertikaikan lagi. Walau bagaimanapun, tidak semua pengguna Islam mempunyai kesedaran kepenggunaan. Ada yang tidak tahu tetapi ramai juga yang tidak mengambil berat atau tidak mengambil peduli langsung tentang hal ini. Apa-apa yang penting ialah barangan yang diperlukan dapat dibeli dan dinikmati tanpa banyak soal. Namun, kesedaran sebagai pengguna amatlah penting kepada setiap individu.

Hak pengguna pertama kali disuarakan oleh bekas Presiden Amerika Syarikat mendiang J.F. Kennedy apabila beliau mengisytiharkan 'Deklarasi Hak Pengguna' yang dibentangkan di Kongres pada 15 Mac 1962. Pembentangan usul perundangan perlindungan pengguna kepada kongres berjaya mengisytiharkan empat hak asasi pengguna yang kemudiannya, pada tahun 1983, *Consumer International* telah menambah empat lagi hak pengguna. Pada masa ini, lapan hak asasi pengguna ini telah diterima secara universal iaitu hak untuk mendapat keperluan asas, hak untuk mendapat keselamatan, hak untuk mendapat maklumat, hak untuk membuat pilihan, hak untuk bersuara, hak untuk mendapat ganti rugi, hak untuk mendapat pendidikan pengguna dan hak untuk mendapat alam sekitar yang sihat dan selamat. Hak asasi pengguna ini dilihat selari dengan hak pengguna yang mendukung konsep '*halalan tayyiban*' (Elistina, 2013).

Terdapat tujuh hak pengguna yang berkait dengan konsep *halalan tayyiban*. Hak yang pertama ialah hak mendapat keperluan asas. Keperluan asas yang dimaksudkan seperti makanan yang mencukupi dan selamat, pakaian, perumahan, kemudahan kesihatan yang memadai, pendidikan dan sanitasi. Kerajaan bertanggungjawab dalam menyediakan keperluan asas yang mencukupi kepada rakyat. Keperluan asas ini tidak hanya sekadar menyediakan tetapi mestilah memenuhi tuntutan syarak. Ini kerana, bagi pengguna Islam mencari yang halal itu adalah fardu (wajib).

Selain itu, pengguna juga berhak mendapat keselamatan iaitu dilindungi daripada barang, proses pengeluaran dan perkhidmatan yang boleh membahayakan kesihatan dan kehidupan. Pengeluar dan peniaga

bertanggungjawab dalam memastikan produk yang dihasilkan adalah selamat untuk digunakan. Sebagai contoh, produk makanan yang dikeluarkan mestilah tidak mengandungi bahan yang dilarang/berbahaya kepada pengguna. Perkara ini berkait rapat dengan konsep *halalan tayyiban* yang bermaksud baik, bersih, suci, selamat, berkualiti dan tidak memudaratkan.

Hak yang seterusnya ialah hak untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan lengkap tentang sesuatu produk agar memudahkan pengguna membuat keputusan yang bijak dan tepat dalam pembelian produk. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan pengguna daripada pengiklanan yang mengelirukan, pelabelan yang tidak jujur dan amalan lain seperti pemalsuan maklumat, penipuan dan penyelewengan. Pengguna memerlukan maklumat yang lengkap dan jujur bagi membolehkan mereka membuat pemilihan yang tepat dalam setiap aspek. Pengeluar dan peniaga perlu meletakkan label pada produk untuk memberikan maklumat kepada pengguna. Ini termasuklah logo halal yang diletakkan pada label bungkusan sesuatu produk. Bagi pengguna Islam, logo halal pada bungkusan produk merupakan sesuatu yang penting sebelum pembelian sesuatu produk.

Hak membuat pilihan bermaksud bahawa pengguna mempunyai kebebasan untuk memiliki dan menentukan jenis produk atau perkhidmatan yang diperlukan. Hak membuat pilihan berkait rapat dengan hak mendapatkan maklumat. Ini kerana pengguna akan membuat pilihan produk berdasarkan maklumat yang diperolehnya. Pengguna Islam semestinya memilih produk yang halal dalam pembeliannya. Walau bagaimanapun, hak ini tidak dapat direalisasikan sekiranya pembekal atau peniaga tidak membekalkan produk yang *halalan tayyiban*. Justeru, pembekal dan kerajaan seharusnya berganding bahu dalam memberikan hak ini kepada pengguna.

Selain itu, pengguna juga mempunyai hak bersuara. Dalam hal ini, pengguna berhak mengeluarkan pendapat tentang perkara yang melibatkan kepentingan mereka. Melalui hak ini, pengguna boleh mengkritik atau menyampaikan ketidakpuasan berhubung dengan sesuatu perkara yang berlaku di pasaran, seperti produk yang diperoleh tidak halal atau tidak mencapai standard mereka. Pengguna juga boleh menyampaikan ketidakpuasan mereka melalui persatuan pengguna yang bertindak untuk memberi perlindungan kepada pengguna sekiranya wujud penindasan atau ketidakadilan yang berlaku, khususnya dalam isu halal. Dengan cara ini, hak dan kepentingan pengguna terjamin.

Pengguna juga berhak mendapat ganti rugi atau pampasan yang sewajarnya terhadap barangan yang cacat, berbahaya atau perihal dagangan yang mengelirukan serta perkhidmatan yang menyeleweng atau tidak menepati perjanjian. Bagi pengguna Islam yang telah mengambil produk tidak halal,

kerugian yang dialaminya tidak mudah dinilai melalui wang. Namun begitu, jika tindakan dapat diambil terhadap pembekal yang menggunakan logo halal palsu, ini dapat menyekat mereka daripada mengamalkan perniagaan yang tidak beretika.

Akhir sekali, pengguna berhak mendapat pendidikan pengguna secara berterusan agar menjadi pengguna yang bijak dan berhemah. Perkara ini amat penting supaya pengguna mengetahui akan hak-hak pengguna dan tidak mudah ditipu oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Pendidikan kepenggunaan berkaitan konsep *halalan tayyiban* amat penting bagi pengguna Islam supaya mereka mempunyai ilmu dan kefahaman sebagai rujukan ketika hendak atau dalam membuat sesuatu pembelian produk.

Oleh itu, pengguna hendaklah peka dan mengambil inisiatif bersikap ambil tahu tentang isu-isu kepenggunaan yang berlaku pada peringkat negara mahupun antarabangsa melalui media massa dan elektronik. Ketidakpekaan pengguna Islam dalam konsep *halalan tayyiban* ini akan menyebabkan golongan peniaga akan mengambil kesempatan untuk memasarkan produk mereka dengan cara tidak beretika.

Menerusi hak-hak yang dinyatakan dapat disimpulkan bahawa konsep *halalan tayyiban* adalah selari dengan hak-hak pengguna seperti yang digariskan di bawah Piagam Hak Pengguna. Pengguna sebenarnya mempunyai kuasa yang mampu mengubah dan menganjakkan pasaran halal di negara ini. Sekiranya semua pengguna Islam tegas dalam menitikberatkan perkara halal dan haram, maka pembekal produk akan berusaha memastikan produk mereka adalah halal. Justeru, pengguna umpama kuasa besar yang boleh memandu industri halal di negara ini dengan mewujudkan permintaan besar produk keluaran halal di pasaran.

Halal sebagai hak asasi

Perlembagaan Persekutuan ialah undang-undang utama Malaysia. Mana-mana undang-undang yang bercanggah dengannya adalah tidak sah dan batal. Dalam Perlembagaan Persekutuan tiada peruntukan yang jelas berkaitan hak untuk produk halal. Meskipun tiada peruntukan dalam Perlembagaan yang jelas berkaitan perkara ini, terdapat beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang boleh digunakan sebagai asas bagi hak orang Islam kepada produk halal. Peruntukan tersebut boleh dilihat dalam Perkara 5 dan Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang. Walau bagaimanapun, tiada istilah yang

jelas bagi perkataan 'nyawa' (*life*) tersebut. Dalam kes *Tan Teck Seng v Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan & Anor* [1996] 1 MLJ 261, Hakim Gopal Sri Ram semasa memberikan keputusan di Mahkamah Rayuan menjelaskan perkataan 'nyawa' dalam Perkara 5(1) membawa maksud yang jauh lebih luas daripada hanya hidup sebagai seorang manusia dan dalam masa yang sama menggabungkan semua aspek penting yang menjadi sebahagian daripada kehidupan itu sendiri, dan perkara-perkara yang membentuk kualiti hidup termasuk hak untuk mendapatkan kehidupan yang sihat dan persekitaran yang bebas daripada pencemaran. Kehidupan yang sihat bergantung pada penjagaan kesihatan seperti kebersihan diri dan persekitarannya yang bersih.

Kesihatan diri juga dipengaruhi oleh makanan dan pemakanan seseorang itu sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Perut adalah telaga bagi raga. Pembuluh-pembuluh darah berujung padanya. Jika perut sihat, pembuluh-pembuluh itu akan sihat. Sebaliknya, jika perut sakit, pembuluh darah pun akan ikut sakit." (Hadith Riwayat Thabrani). Melalui kesihatan tubuh badan, manusia mampu memelihara kelestarian alam persekitaran untuk meneruskan *survival* kehidupan mereka (Khairul Hamimah & Zawiah,2008). Justeru, menjadi tanggungjawab setiap Muslim memilih makanan terbaik kepada kesihatan. Secara umumnya, makanan terbaik ialah makanan yang halal lagi bersih.

Hak untuk kebebasan beragama pula dijamin dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Perkara 11(1) memperuntukkan bahawa:

> "Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya."

Manakala Perkara 11(4) memperuntukkan bahawa:

> "Undang-undang boleh dibuat untuk mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama lain terhadap umat Islam."

Berdasarkan peruntukan tersebut, jelas membuktikan bahawa orang Islam berhak menganuti dan mengamalkan agama Islam sebagai cara hidup mereka. Ajaran Islam telah mewajibkan penganutnya mengambil makanan yang bersih dan tidak memudaratkan serta mematuhi diet pemakanan Islam. Islam menghendaki setiap Muslim untuk mematuhi keperluan pemakanan yang telah ditentukan dalam al-Quran dan Hadith, kerana ini merupakan hak asasi setiap orang Muslim. Tambahan, hak untuk mengamalkan ajaran Islam dengan cara mematuhi diet pemakanan Islam ini tidak membahayakan ketenteraman awam atau kesihatan awam.

Secara ringkasnya, hak asasi manusia merupakan hak-hak dasar yang dimiliki oleh manusia sesuai dengan fitrahnya. Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf dan menjamin hak asasi manusia mengikut batas-batas yang ditentukan perlembagaan. Masyarakat Islam mempunyai hak untuk mengamalkan ajaran Islam dan hak ke atas produk halal merupakan hak sebagai orang Islam. Oleh itu, setiap orang Islam harus mempertahankan dan memperjuangkan hak asasi mereka sebagai orang Islam serta dapat menghormati hak asasi orang lain tanpa melanggari hak asasi mereka.

Kerangka Undang-Undang berkaitan Halal

Undang-undang digubal dan dilaksanakan untuk kemudahan, kepentingan dan kemaslahatan masyarakat. Perkara ini kerana undang-undang merupakan mekanisme paling berkesan dalam melindungi hak dan kepentingan setiap individu. Secara umumnya, undang-undang yang berkaitan dengan perlindungan pengguna terbahagi kepada dua pendekatan, iaitu undang-undang yang melarang perbuatan atau tindakan yang boleh mengancam hak pengguna dan undang–undang yang membolehkan pengguna mendapatkan ganti rugi pampasan sekiranya hak dan kepentingan mereka dicabuli (Nor' Adha & Sakina, 2011). Hal ini bermakna, pengguna dilindungi oleh dua jenis undang-undang, iaitu undang-undang persendirian dan undang-undang awam. Undang-undang persendirian bersifat sivil dan memberikan hak kepada mangsa untuk membawa tuntutan terhadap pembekal atau peniaga sekiranya hak mereka dicabuli bagi mendapatkan ganti rugi. Manakala, undang-undang awam yang bersifat jenayah berfungsi menghukum pembekal atau peniaga yang ingkar dan bukan untuk mendapatkan ganti rugi.

Di Malaysia, kebanyakan undang-undang yang melindungi pengguna adalah bersifat jenayah dan ini secara langsung kurang memberikan hak kepada mangsa untuk mendapatkan remedi. Hal ini juga termasuk undang-undang yang berkaitan dengan halal. Terdapat beberapa akta yang boleh dirujuk secara langsung dan tidak langsung mempunyai kaitan dengan halal. Undang-undang ini berkembang seiring dengan pertumbuhan pesat industri halal di Malaysia. Namun begitu, undang-undang berkenaan terdapat di bawah peruntukan yang berbeza-beza. Undang-undang yang dimaksudkan ialah Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Makanan 1985 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999.

i. Akta Perihal Dagangan 2011

Akta Perihal Dagangan 2011 (APD) telah digubal bagi menggantikan Akta Perihal Dagangan 1972. Penggubalan akta ini adalah untuk mengukuhkan lagi perundangan berkaitan halal (Zalina & Siti Zubaidah, 2015). Di bawah seksyen 28 dan 29 Akta Perihal Dagangan 2011, terdapat dua perintah perihal

dagangan yang berkaitan dengan penguatkuasaan halal, iaitu Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Seksyen 28 memperuntukkan kuasa menteri mentakrifkan apa-apa ungkapan yang digunakan bagi makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang patut difahami sebagai mempunyai pengertian yang tertentu. Selain itu, di bawah seksyen 28 juga memperuntukkan bahawa Menteri boleh menetapkan kesalahan bagi mana-mana orang yang memperdayakan atau mengelirukan orang awam bahawa barangan yang ditawarkan menepati takrifan yang dibuat oleh Menteri di bawah seksyen itu. Peruntukan ini dapat mengelakkan pengguna daripada terperdaya atau dikelirukan oleh ungkapan tertentu yang jelas bercanggah dengan barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan khususnya yang berkaitan dengan barangan dan perkhidmatan halal. Halal pula telah diberikan satu takrif di bawah Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011.

Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 memperuntukkan bahawa apabila suatu makanan, barangan atau perkhidmatan memakai perkataan 'halal' atau mana-mana istilah lain menunjukkan ia boleh dimakan atau digunakan orang Islam, iaitu tidak mengandungi apa-apa bahagian atau benda daripada binatang dilarang hukum syarak atau tidak disembelih mengikut hukum syarak; tidak mengandungi unsur najis mengikut hukum syarak; tidak memabukkan mengikut hukum syarak; tidak mengandungi bahagian atau anggota manusia atau hasilan daripadanya yang tidak dibenarkan hukum syarak; selamat digunakan atau dimakan, tidak beracun, atau tidak memudaratkan kesihatan. Selain itu, makanan atau barangan itu tidak disediakan, diproses atau dikilang menggunakan peralatan dicemari najis mengikut hukum syarak dan dalam masa penyediaan, pemprosesan atau penyimpanan tidak bersentuhan, bercampur atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang dilarang Islam serta terdapat unsur najis.

Malah, perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barangan tidak boleh diperihalkan sebagai halal atau diperihalkan dengan cara lain untuk menunjukkan perkhidmatan itu boleh digunakan oleh orang Islam melainkan jika ia diperakukan sebagai halal oleh pihak berkuasa berwibawa. Dalam erti kata lain, adalah menjadi satu kesalahan memperihal sesuatu itu sama ada makanan atau barang-barang gunaan lain untuk menujukkan ia boleh dimakan atau digunakan oleh orang Islam. Ini bermakna, penggunaan logo halal secara perisytiharan sendiri seperti 'halal', 'ditanggung halal', 'makanan orang Islam', 'terjamin halal', '*halalan tayyiban*', dan lain-lain serta penggunaan ayat-ayat suci al-Quran yang dipamerkan di hadapan kedai atau restoran atau apa-apa perkara atau objek yang berkaitan dengan agama Islam sama ada di premis atau di bekas makanan adalah tidak dibenarkan.

Kes seperti yang dilaporkan oleh *Sinar Harian* pada bulan September 2013, iaitu pemilik restoran itu menyalahgunakan perakuan halal dengan meletakkan gambar bulan dan bintang pada papan tanda restoran, sekali gus menggambarkan premis itu milik peniaga Islam. Malah, di restoran itu turut digantung bingkai ayat suci al-Quran bagi memperdaya dan mengelirukan pengguna dengan menyediakan makanan halal. Kegagalan pemilik restoran mematuhi undang-undang boleh dikenakan denda sehingga RM500 000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali (seksyen 21, APD)

Manakala menerusi seksyen 29 pula, Menteri boleh menamakan mana-mana pihak berkuasa untuk memperakukan, menandakan, membekalkan atau menawarkan ke atas sesuatu barangan termasuk yang berkaitan dengan pensijilan Halal. Menteri juga boleh menamakan mana-mana pihak berkuasa berwibawa untuk membuat perakuan dan pengecapan ke atas sesuatu barangan termasuk yang berkaitan dengan pensijilan halal. Maka berdasarkan seksyen ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) mengeluarkan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 yang menamakan JAKIM dan MAIN sebagai agensi pensijilan halal yang berwibawa di Malaysia.

Melalui seksyen ini, hanya JAKIM dan MAIN sahaja yang boleh mengeluarkan sijil dan logo halal di Malaysia, sekiranya terdapat pihak lain yang mengeluarkan sijil dan logo halal, perkara tersebut merupakan suatu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011. Ini bermakna, penggunaan sijil dan logo halal yang dikeluarkan oleh pihak yang tidak diiktiraf yang merupakan pengeluar sijil halal swasta adalah tidak dibenarkan. Kes seperti yang dilaporkan pada 12 Januari 2016, iaitu pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Pulau Pinang telah membuat serbuan di sebuah pasar raya dan telah merampas keropok udang, daging, limpa, hati dan paru-paru yang dibungkus menggunakan logo halal tidak dibenarkan dan tidak mendapat kelulusan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Mengikut KPDNKK, mana-mana individu yang melanggar perintah tersebut jika disabit bersalah boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya bagi individu. Manakala penalti untuk pertubuhan perbadanan ialah denda sehingga RM250,000 (seksyen 21, APD)

ii. Akta Makanan 1983

Akta Makanan 1983 merupakan undang-undang khusus yang berkaitan dengan produk makanan. Akta ini memberikan kuasa kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berhubung dengan pelabelan, amalan kebersihan

dan juga keselamatan makanan. Objektif kewujudan Akta Makanan 1983 adalah untuk melindungi pengguna terhadap unsur-unsur yang membahayakan kesihatan dan penipuan yang dilakukan semasa penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan, dan mengenai perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya (Mukadimah Akta Makanan 1983). Walaupun produk makanan halal bukanlah objektif utama dan tidak disebut dengan jelas dalam Akta Makanan 1983, namun secara tersirat peruntukan ini turut mengambil kira aspek kebersihan, kesucian, kesihatan dan kualiti makanan yang menepati sebahagian konsep halalan tayyiban.

Peruntukan perundangan yang berhubung kait dengan produk makanan terletak di bawah seksyen 13 dan 16 Akta Makanan 1983. Seksyen 13 memperuntukkan larangan terhadap penyediaan atau penjualan makanan yang mengandungi bahan yang memudaratkan kesihatan. Bagi maksud makanan yang memudaratkan kesihatan ini, perhatian diberikan bukan sahaja tentang kesan makanan itu kepada kesihatan tetapi juga kesan kumulatif yang keseluruhannya mengandungi kandungan yang sama kepada kesihatan seseorang yang memakannya. Ini bermaksud, pengeluaran sesuatu produk makanan mestilah tidak beracun atau memudaratkan kepada kesihatan dan nyawa manusia seperti penggunaan aditif makanan yang berlebihan akan mengurangkan aspek 'sihat' dalam kandungan makanan tersebut. Manakala, seksyen 16 pula memperuntukkan tentang perbuatan memalsukan label atau pelabelan palsu. Menurut seksyen ini, seseorang dilarang daripada menyedia, membungkus, melabel atau menjual mana-mana makanan yang salah, mengelirukan serta terdapat unsur-unsur penipuan dari segi aspek karakternya, nilai, kandungan, kualiti, keselamatan, keaslian, berat dan lain-lain. Pengeluar produk makanan perlu meletakkan label kandungan makanan yang betul dan tepat pada bungkusan makanan. Ini adalah kerana maklumat yang tepat dan lengkap adalah penting kerana dapat membantu pengguna dalam mengenal pasti produk makanan yang halal dan haram.

Di bawah Akta Makanan 1983 terdapat peraturan-peraturan yang diwujudkan, iaitu Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Peraturan-Peraturan Makanan 1985 mengandungi peraturan berkaitan prosedur pengambilan sampel, pelabelan, pembungkusan dan sebagainya. Antara perkara penting dalam yang dinyatakan dalam Peraturan ini adalah berkaitan pelabelan makanan, bahasa yang digunakan, butir pelabelan, bentuk dan cara pelabelan, saiz dan warna huruf, penandaan tarikh, pernyataan mengenai kekuatan ramuan, pembungkusan di premis jualan runcit dan perkara yang dilarang. Pelabelan makanan ini bertujuan untuk melindungi pengguna supaya tidak mudah tertipu dengan sebarang kekeliruan yang disebabkan oleh pengeluar atau penjual ingin mengaut keuntungan yang berlebihan terhadap produk makanan yang dibekalkan. Walaupun isu pelabelan halal tidak dinyatakan dalam

peraturan ini namun begitu secara tidak langsung turut menyentuh tentang perihalan halal (Alias, Harlida, Nurretina & Muhammad Hafiz, 2013) seperti yang diperuntukkan dalam Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Manakala Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 menetapkan hal yang berkaitan dengan kebersihan makanan termasuk premis makanan yang digunakan bagi atau berkaitan dengan penyediaan, pengawetan, pembungkusan, penyimpanan, pengiriman, pengedaran atau penjualan apa-apa makanan. Peraturan ini juga termasuk pelabelan semula, pemprosesan semula atau pembaikan semula makanan. Peraturan ini turut relevan dalam membincangkan perkara berkaitan dengan konsep *halalan tayyiban*, iaitu apabila aspek kebersihan dan kesihatan diambil kira kerana kedua-duanya saling berkait rapat (Harlida & Alias, 2014).

iii. Akta Perlindungan Pengguna 1999

Akta Perlindungan Pengguna merupakan undang-undang utama yang melindungi pengguna. Objektif utama Akta Perlindungan Pengguna 1999 adalah untuk memberi perlindungan yang optimum kepada pengguna dan peruntukan ini meliputi bahagian yang tidak dilindungi oleh undang-undang lain yang sedia ada. Akta ini memperuntukkan undang-undang secara umum mengenai halal. Di bawah seksyen 85, Bahagian XII Akta Perlindungan Pengguna 1999, Tribunal Tuntutan Pengguna telah ditubuhkan untuk pengguna menuntut gantirugi daripada pembekal atau pengilang dengan cara mudah, murah dan cepat.

Bahagian II Akta Perlindungan Pengguna 1999 memperuntukkan larangan terhadap pembekal bagi perlakuan yang mengelirukan dan memperdaya, representasi palsu dan amalan tidak saksama. Seksyen 8 (a) memperuntukkan kesalahan bagi perlakuan mengelirukan dan memperdaya, representasi palsu dan amalan yang boleh menyebabkan seseorang pengguna melakukan kesilapan. Manakala, seksyen 10 memperuntukkan keadaan di mana representasi menjadi palsu atau mengelirukan. Seksyen 10 (h) menyatakan bahawa representasi termasuk mempunyai apa-apa kelulusan atau pengendorsan daripada badan yang diperakui. Oleh itu, jelas bahawa menjadi satu kesalahan jika pembekal makanan yang tidak halal menggunakan sijil dan logo halal palsu yang tidak dikeluarkan oleh badan yang diperakui iaitu JAKIM atau MAIN.

Bahagian V Akta Perlindungan Pengguna 1999 memperuntukkan gerenti yang perlu dipatuhi oleh pembekal dalam pembekalan barang. Pelanggaran gerenti tersirat oleh pembekal memberikan hak kepada pengguna untuk mendapatkan ganti rugi. Terdapat tujuh gerenti tersirat dalam pembekalan

barang, namun hanya dua gerenti tersirat yang secara tidak langsung mempunyai kaitan dengan isu halal, iaitu gerenti tersirat mengenai kualiti boleh terima dan gerenti tersirat bahawa barang mematuhi perihal. Seksyen 32 memperuntukkan bahawa barang yang dibekalkan kepada pengguna hendaklah tersirat suatu gerenti bahawa barang itu adalah daripada kualiti boleh terima. Kualiti boleh diterima bermaksud barang itu sesuai bagi maksud yang baginya barang daripada jenis yang berkenaan itu lazimnya dibekalkan, dapat diterima dari segi rupa dan kemasan, bebas daripada kecacatan yang kecil, selamat dan tahan lama. Kriteria yang boleh diterima ini perlu diseimbangkan dengan jangkaan pengguna mengenai barang, harga, apa-apa pernyataan pada bungkusan atau label atau apa-apa representasi yang dibuat mengenai barang itu. Berdasarkan jangkaan pengguna, barangan yang mempunyai tanda dan logo halal palsu boleh dikatakan tidak boleh diterima dari segi kualiti kerana barangan tersebut tidak sesuai untuk tujuan pemakanan barangan halal dan tidak bebas daripada kecacatan (Naemah & Norazlina, 2015). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pembekalan barangan yang mempunyai tanda dan logo halal palsu adalah tidak mematuhi kontrak jualan dan ini sekali gus tidak memenuhi jangkaan pengguna barangan halal. Seksyen 32 ini dilihat secara tidak langsung menyentuh perkara berkaitan kualiti produk halal.

Manakala seksyen 34 memperuntukkan bahawa jika barang dibekalkan dengan menggunakan perihal kepada pengguna, maka hendaklah tersirat suatu gerenti bahawa barang itu bersamaan dengan perihal itu. Di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 tiada peruntukan yang menjelaskan atau menerangkan maksud ungkapan 'perihal'. Walaupun tiada definisi perihal dinyatakan di bawah akta ini, perihal boleh dimaksudkan sebagai apa-apa ungkapan atau perbuatan yang menggambarkan barangan yang hendak dijual (Elistina, 2013). Oleh itu, menjadi satu kesalahan terhadap mana-mana pembekal yang memperdaya atau mengelirukan orang ramai dengan ungkapan atau perbuatan tertentu yang mengambarkan bahawa barangan yang ditawarkan ialah barangan yang halal. Antara contoh ungkapan adalah seperti 'ditanggung halal', 'makanan orang Islam', 'terjamin halal', 'halalan tayyiban', dan lain-lain. Peruntukan ini secara tidak langsung dapat mengelakkan pengguna daripada dikelirukan atau diperdayakan oleh ungkapan tertentu yang jelas bercanggah dengan barangan yang ditawarkan khususnya yang berkaitan dengan barangan halal.

Di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999, pengguna boleh membuat aduan dan menuntut ganti rugi dan pampasan yang sewajarnya daripada seorang pembekal atau pengilang ke Tribunal Tuntutan Pengguna. Namun begitu, di bawah seksyen 19 (6) menyatakan dengan jelas pengecualian keselamatan makanan dan barang jagaan kesihatan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 kerana perkara ini sudah diperuntukkan di

bawah Akta Makanan 1983. Maka, sebarang makanan dan barang jagaan kesihatan yang tidak selamat dan tayyib adalah tidak dikawal di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999. Jelaslah bahawa, perundangan yang sepatutnya memelihara dan melindungi kepentingan pengguna daripada ditipu dan diperdaya oleh pengeluar (industri), pembekal dan peniaga gagal melindungi pengguna dalam aspek barangan makanan.

Kesimpulan

Kesimpulannya, pengguna semakin terdedah kepada penindasan amalan perdagangan yang tidak sihat oleh peniaga dan pembekal yang berpengaruh. Sekiranya peruntukan undang-undang yang sedia ada membolehkan pengguna membuat tuntutan terhadap peniaga atau pembekal berkaitan produk tidak halal, maka peniaga atau pembekal tidak akan mengambil mudah tanggungjawab dalam memastikan logo halal produk mereka diiktiraf oleh pihak berwibawa iaitu JAKIM dan MAIN. Selain itu, hal ini dapat menyekat peniaga dan pembekal daripada mengamalkan perniagaan yang tidak beretika pada masa akan datang. Pengguna seharusnya diberikan perlindungan yang sewajarnya dengan memberikan ganti rugi apabila timbulnya kes-kes berkaitan penipuan logo halal. Penambahbaikan undang-undang perlu dilakukan supaya akta-akta yang sedia ada ini berkembang seiring dengan industri halal yang dapat memberikan perlindungan yang optimum kepada pengguna berkaitan penipuan logo halal. Namun begitu, undang-undang kurang bermakna sekiranya pengguna itu sendiri jahil tentang hak mereka. Justeru, undang-undang yang digubal untuk melindungi pengguna seharusnya didedahkan kepada pengguna melalui pelbagai saluran seperti media massa. Malah, undang-undang yang terbaik juga akan menjadi sia-sia jika penguatkuasaan tidak dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab. Oleh yang demikian, setiap pihak wajib memainkan peranan masing-masing dalam usaha memartabatkan perlindungan pengguna di Malaysia dalam isu halal.

Rujukan

Abdullah Yusuf A. (2005). *The Meaning of Holy Qur'an: Text Translation and Commentary.* Kuala Lumpur: Islamic Book Trust (IBT).

Abdul Basit S. & Sahilah M R. (2010). Persepsi Pelajar Fakulti Pendidikan terhadap Makanan Berlogo Halal. Diakses pada 31 Januari 2016 dari http://eprints.utm.my/10689/1/Persepsi_Pelajar_Fakulti_Pendidikan_Terhadap_Makanan_Berlogo_Halal.pdf

Alias, A, Harlida, A. W., Nurretina, A. S. & Muhammad Hafiz, B. (2013). Produk Makanan Halal: Perspektif Hukum dan Undang-Undang. Dalam Nurdeng Deuraseh., Russly Abdul Rahman, Shuhaimi Mustafa, Jamilah Bakar & Dzulkifly Mat Hashim (Eds.), *Halalan Thoyyiban Perspektif Malaysia* (hlm 12-29). Institut Penyelidikan Produk Halal. Universiti Putra Malaysia.

Al-Qardawi, Yusuf, (1994) *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Bayrut, Maktabah al-Islami, hlm. 17 (diterjemahkan).

Al-Qaradawi, Y. (2007). The Lawful and the Prohibited in Islam. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.Mahathir M. (April 2010). Halal cosmetic to spur global halal industry. SME New, 25-26

Basri Ibrahim al-Hasani al-Azhari & Wan Mohd Yusuf Wan Chik. (2011). Maqasid shar'iyyah according to Al-Qaradawi in The Book Al-Halal Wa Al-Haram Fi Al-Islam. *International Journal of Business and Social Science*, *2* (1) : 238- 254.

Elistina Abu Bakar. (2013). Undang-Undang Pengguna dalam Konteks Halalan Toyyiban di Malaysia. Dalam Nurdeng Deuraseh., Russly Abdul Rahman, Shuhaimi Mustafa, Jamilah Bakar & Dzulkifly Mat Hashim (Eds.), *Halalan Thoyyiban Perspektif Malaysia* (hlm 87-98). Institut Penyelidikan Produk Halal. Universiti Putra Malaysia.

Harlida Abdul Wahab & Alias Azhar. (2014). Halalan Tayyiban dalam Kerangka Perundangan Malaysia. *KANUN*. *1*, 103-120.

Idris Tawfiq. Why is alcohol forbidden?. Diakses pada 4 Februari 2016 daripada http://thepeninsulaqatar.com/special-page/islam/260898/why-is-alcohol-forbidden

Khairul Hamimah M. J., & Zawiah M. *Kesejahteaan Kesihatan: Hubungan dan Kaitannya dengan Makanan yang Halal dan Baik.* Kertas kerja ini dibentang untuk Persidangan Kebangsaan Persekitaran Dan Kesihatan, Kelantan. Oktober 2008.

Logo halal tidak diiktiraf. (8 Januari 2016). Harian Metro. Diakses pada 6 September 2016 dari http://www.hmetro.com.my/node/105751.

Naemah A. & Norazlina A. A. (2015). The liability of the producer of false Halal products under product liability law. *Asian Social Science*, *11*(15), 295-301.

Nor Adha & Sakina Shaik. (2011). *Pertikaian Perdagangan Pengguna: Penyelesaian Pertikaian Alternatif di Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Panduan Pengguna (Edisi Kedua, KPDNHEP) 1999.

Roslizawati Mohd Ramly & Suhailiza Md. Hamdani. (2007). Kajian Perbandingan Mekanisma Penentuan Halal Produk Makanan di antara Malaysia, Indonesia dan Australia. Dimuat turun pada 31 Januari 2016, dari http://www.ukm.my/hairun/kertas%20kerja%20iCEPs/Kajian%20Perbandingan%20Mekansima%20Penentuan%20Halal%20Produk%20Makanan.pdf

Salah Guna Perakuan halal. (2013, 6 September). *Sinar Online*. Diakses pada 16 Februari 2016 dari http://www.sinarharian.com.my/salah-guna-perakuan-halal-1.199258

Sijil Halal Bertaraf Global. (2003, 26 Disember). *Utusan Online*. Diakses pada 4 Februari 2016 dari http://ww1.utusan.com.my/utusan/special.asp?pr=PR11&y=2003&dt=1226&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm

Siti Radhiah Omar & M. Shahrim Ab. Karim. (2013). Halalan Toyyiban: Perspektif Isu Logo Halal. Dalam Nurdeng Deuraseh., Russly Abdul Rahman, Shuhaimi Mustafa, Jamilah Bakar & Dzulkifly Mat Hashim (Eds.), *Halalan Thoyyiban Perspektif Malaysia* (hlm 30-60). Institut Penyelidikan Produk Halal. Universiti Putra Malaysia.

Zalina Zakaria & Siti Zubaidah Ismail. (2015). Perkembangan Pengaturan Halal Menerusi Akta Perihal Dagangan 2011 di Malaysia. *Jurnal Syariah*, *23*(2), 189-216.